

InfoINDUSTRI

Isu 08 | 15 September 2012



Melindungi Kawasan Hutan Nadi Borneo

Dalam ucaptamanya untuk forum 'Protecting Nature in the Heart of Borneo (HoB): Stock Take, Present Challenges, Future Directions' yang diadakan di Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS) di Singapura pada 5 September 2012, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, menyatakan bahawa "sebagai negara yang kecil, Negara Brunei Darussalam turut berkongsi masalah dan cabaran di mana sebarang kemerosotan alam sekitar atau perubahan ekologi akan mempunyai impak yang besar dan mendalam kepada negara."

Negara Brunei Darussalam adalah penyokong kuat pada Inisiatif HoB, mengetahui bahawa dalam segi pelepasan karbon dioksida per kapita (CO₂), seperti mana yang terakhir dipantau oleh Bank Dunia pada tahun 2008, Negara Brunei Darussalam tergolong dalam ranking teratas pelepasan karbon dioksida iaitu pada kadar 27.5 tan metrik seorang (sebahagian besarnya disebabkan oleh industri minyak dan gas) daripada penduduknya, berbanding, sebagai contoh, Singapura yang hanya kira-kira 6.7 tan metrik. Industri dominan minyak dan gas, telah sebenarnya menjadi landasan bagi Negara Brunei Darussalam untuk berkembang dan mengekalkan

Melindungi Kawasan Hutan Nadi Borneo

Brunei Darussalam Mengekalkan Kedudukan dalam Ranking GCR Terkini

Majlis Ramah Mesra Hari Raya KPSSU

Yang Berhormat Menteri menekankan pentingnya mendidik belia kita dan tanggungjawab yang dipegang oleh generasi muda masa kini dalam memastikan bahawa anugerah alam semula jadi dapat dikekalkan untuk generasi masa akan datang.

pembangunan tanpa mengorbankan banyak hutan aslinya – Negara Brunei Darussalam kekal sebagai antara 10 negara teratas paling banyak hutan di dunia, kata Yang Berhormat Menteri.

Dalam menegaskan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam memulihara hutan hujan Borneo dan memastikan kemampunan alam sekitar, Yang Berhormat Pehin menambah bahawa "Inisiatif HoB di Negara Brunei Darussalam telah diinstitusikan dalam lingkungan jentera Kerajaan melalui pewujudan sebuah Majlis Kebangsaan. Sebuah Pusat Sekretariat juga telah ditubuhkan dengan tugas melaksanakan mandat Majlis HoB

... bersambung ke muka surat 2



“ Bagi Negara Brunei Darussalam, ‘Heart of Borneo’ bukan sekadar komitmen untuk memelihara baki terakhir hutan hujan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meramalkan bahawa Inisiatif ‘Heart of Borneo’ akan memberikan dorongan tambahan dan perlu untuk terus memelihara ekosistem asli negara dan pada masa yang sama menggalakkan pembangunan ekonomi negara yang lebih seimbang.”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Melindungi Kawasan Hutan Nadi Borneo

Brunei serta untuk melaksanakan dan memantau projek-projek sebagaimana yang diperuntukkan oleh Rangka Kerja Pelaksanaan Projek (PIF). Lebih daripada 58 peratus kawasan tanah di Negara Brunei Darussalam juga telah diperuntukkan kepada Inisiatif tersebut.”

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri juga menyatakan perasaannya mengenai kesukaran

dari muka surat 1 ...

untuk “mengkomoditikan atau mengkomersialkan alam sekitar dan manfaat-manfaat daripadanya.” Beliau memberi satu contoh di mana pakar-pakar dunia menganggarkan bahawa perkhidmatan ekosistem alam adalah bernilai sekurang-kurangnya AS\$36 trilion setahun,” dan bahawa kekurangan pelabur alam semula jadi atau penderma akan “mengekalakan kemusnahan alam semula jadi.”

Yang Berhormat Menteri juga menekankan kepentingan mendidik belia kita dalam bidang ini dan bahawa tanggungjawab yang dipegang oleh generasi masa kini dan lebih muda dalam memastikan anugerah alam semula jadi boleh dipelihara untuk generasi akan datang. Lebih banyak sumber, tempatan dan antarabangsa, perlu disalurkan ke dalam bidang pemuliharaan hutan - hanya dengan cara ini manfaat kepada manusia boleh diraih, katanya.

Brunei Darussalam Mengekalkan Kedudukan dalam Ranking GCR Terkini

	2012/ 2013		2011/ 2012	
Ekonomi	Kedudukan /142	Mata	Kedudukan /139	Perubahan dalam Kedudukan
Singapura	2	5.67	2	0
Malaysia	25	5.06	21	(4)
Brunei Darussalam	28	4.87	28	0
Thailand	38	4.52	39	1
Indonesia	50	4.40	46	(4)
Vietnam	n/a	n/a	n/a	-
Filipina	65	4.23	75	10
Kemboja	85	4.01	97	12

Dalam edisi ke-33 Laporan Daya Saing Global (GCR 2012-2013) yang dikeluarkan pada 5 September 2012 oleh Forum Ekonomi Dunia, ranking keseluruhan Negara Brunei Darussalam dalam Daya Saing Global kekal tidak berubah pada kedudukan 28 apabila dibandingkan dengan GCR tahun lepas 2011-2012. Jadual menunjukkan susunan kedudukan Negara Brunei Darussalam berbanding dengan negara-negara ASEAN lain.

Kedudukan daya saing GCR adalah berdasarkan kepada Indeks Daya Saing Global (GCI), yang dibangunkan untuk Forum Ekonomi Dunia oleh Xavier Sala-i-Martin, seorang Profesor Ekonomi, Universiti Columbia, Amerika Syarikat. GCI terdiri daripada 12 kategori

daya saing bagi setiap negara: institusi, infrastruktur, persekitaran makroekonomi, kesihatan dan pendidikan rendah, pendidikan tinggi dan latihan, kecekapan pasaran barangan, kecekapan pasaran buruh, pembangunan pasaran kewangan, kesediaan teknologi, saiz pasaran, kecanggihan perniagaan dan inovasi.

Daripada 142 negara yang diliputi dalam laporan tahun ini, Switzerland mendahului ranking keseluruhan bagi tahun keempat berturut-turut. Singapura kekal di kedudukan kedua dan Finland dalam kedudukan ketiga, memotong Sweden (4). Belanda (5), Jerman (6), Amerika Syarikat (7), United Kingdom (8), Hong Kong (9) dan Jepun (10) melengkapkan kedudukan 10 ekonomi paling berdaya saing.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya KPSSU

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidil Fitri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah diadakan baru-baru ini pada 7 September 2012 di Dewan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salambigar. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Juga hadir ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian berkenaan serta kira-kira 600 orang pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.



Majlis ini, yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan tali silaturrahim di kalangan pegawai dan kakitangan warga KPSSU di samping menyemarakkan lagi suasana sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Di majlis berkenaan, beberapa aturcara yang berupa persembahan-persembahan, pertandingan dan cabutan nombor

bertuah telah pun diadakan. Turut membuat persembahan ialah murid-murid dari Sekolah Sunshine yang mendendangkan lagu Hari Raya dan pertandingan lagu-lagu dakwah di antara Jabatan-Jabatan di bawah kementerian berkenaan - pada tahun ini, enam kumpulan telah pun turut serta mempertandingkan persembahan mereka iaitu kumpulan daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan, Jabatan BINA

dan Gabungan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bahagian Dasar dan Perancangan, Pusat Standard Kebangsaan dan Pusat Pembangunan Keusahawanan. Pemenang-pemenang pertandingan telah menerima hadiah-hadiah yang disumbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Tahniah!

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Setiausaha Tetap KPSSU, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, dan kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan tahniah kepada individu-individu berikut di atas pengumiaan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke 66 Tahun bagi tahun 2012:

DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA
BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH
KETIGA - S.M.B.

Jabatan Perhutanan

- Yang Mulia Awg Mahmud bin Hj Yussof, PSB, PIKB, PKL, Timbalan Pengarah

Jabatan Perikanan

- Yang Mulia Dyg Ranimah bte Hj A. Wahab, PSB, PKL, Pegawai Perikanan Kanan
- Yang Mulia Dyg Munah bte Hj Lampoh, PSB, PKL, Pegawai Perikanan Kanan

Jabatan Badan Kemajuan Industri Brunei

- Yang Mulia Awg Hj Metassan bin Hj Abd Salim, PSB, PIKB, PKL, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan

DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI
YANG AMAT BAHAGIA
DARJAH KEEMPAT - P.S.B.

KPSSU

- Yang Mulia Awg Asut bin Kadai, PIKB, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

- Yang Mulia Dyg Hjh Halimah bte Ahmad, PIKB, PKL, Pembantu Pertanian Kanan
- Yang Mulia Awg Mosli bin Hj Abd Hadis, PIKB, Pembantu Pertanian Kanan
- Yang Mulia Dyg Hjh Rokiah bte Hj Mohd Zain, PIKB, PKL, Penolong Pegawai Pertanian
- Yang Mulia Dyg Zainab bte Hj Abd Hamid, PIKB, Ketua Juruteknik Makmal
- Yang Mulia Dyg Hjh Jamilah bte Hj Abidin, PIKB, PKL, Penolong Pegawai Pertanian

Sokongan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

- Yang Mulia Awg Ong Chek Teng, PIKB, Pengurus, Soon Lee Farm and Trading Sdn Bhd

Diari KPSSU

SEPT 03 Meningkatkan Pelancongan Brunei-Korea

Program Pembangunan Sumber Manusia Pelancongan ASEAN (HRD) yang dianjurkan bersama oleh Pusat ASEAN-Korea dan Jabatan Kemajuan Pelancongan Brunei, KPSSU, telah diadakan pada 3-4 September 2012 yang lalu di ibu negara. Program ini bertujuan untuk membina kapasiti profesional pelancongan dan meningkatkan pertukaran pelancongan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Program Pembangunan Sumber Manusia selama dua hari itu, disertai oleh 40 pengamal di bidang pelancongan dari sektor awam dan swasta meliputi satu siri kuliah yang menyediakan analisis mendalam trend pelancongan dan prospek pasaran pelancongan Korea; gambaran umum mengenai Korea termasuk sejarah, budaya dan gaya hidup; dan kursus latihan bahasa yang praktikal mengenai ungkapan-ungkapan asas bahasa Korea yang boleh digunakan oleh profesional pelancongan dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk pelancong Korea.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Hae Moon Chung, Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Korea, membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, pada 4 September 2012.



SEPT 05 Syarikat MZB Farming Mendapatkan Reban Ayam Baru

Majlis Perletakan Batu Asas sempena pembangunan reban ayam tertutup bagi Syarikat MZB Farming Sendirian Berhad telah disempurnakan oleh Yang Mulia Puan Hj Hasnah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap di KPSSU pada hari Rabu, 5 September 2012.

Sektor penternakan ayam pedaging dan ayam penelur merupakan sebahagian daripada industri ternakan - satu sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian di Negara ini. Industri ternakan merangkumi aktiviti pemeliharaan/penternakan ternakan kerbau, lembu, kambing, rusa dan ayam pedaging, ayam penelur di samping pusat penetasan yang mana telah menyumbang berjuta ringgit kepada ekonomi Negara setiap tahun.

Bagi mewujudkan penghasilan yang berterusan di dalam kedua-dua sektor ayam pedaging dan ayam penelur, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berusaha ke arah merubah sistem teknologi pemeliharaan dari sistem perumahan tradisional yang kurang efisien dan produktif kepada sistem perumahan yang tertutup. Setakat ini sebanyak lapan buah syarikat penternakan ayam pedaging yang telah menggunakan sistem perumahan moden iaitu reban tertutup. Antara faedah menggunakan system demikian termasuklah: peningkatan hasil, kawalan penyakit yang efektif, penggunaan tenaga kerja yang efisien, kadar kematian yang rendah dan penghasilan daging yang berkualiti.

